



05 FEB, 2025

KNM Group pelan keluar daripada status PN17

Sinar Harian, Malaysia

Page 1 of 2

KEWANGAN

KNM Group pelan keluar daripada status PN17

KUALA LUMPUR - Syarikat berstatus PN17 (Nota Amalan 17), KNM Group Bhd masih dalam proses merangka pelan untuk menyelaraskan keadaan kewangannya, katanya dalam makluman kepada Bursa Malaysia.

Ia susulan pengumuman KNM pada 17 Disember 2024 bahawa anak syarikat milik penuh Borsig GmbH dan Deutsche KNM GmbH serta syarikat lain dalam Kumpulan Borsig telah memeterai perjanjian kemudahan baharu dengan Landesbank Baden-Württemberg dan institusi kewangan lain yang mengambil bahagian.

Kemudahan kredit itu akan memastikan Kumpulan Borsig dapat meneruskan operasinya seperti biasa.

Dalam laporan tahunan 2023 dikeluarkan pada April 2024, syarikat itu berkata, M&A Securities Sdn Bhd dilantik sebagai penasihat utama untuk membantu merangka pelan penyusunan semula untuk dikemukakan kepada Bursa Malaysia. - *Bernama*



05 FEB, 2025

KNM Group pelan keluar daripada status PN17

Sinar Harian, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

KEWANGAN

KUALA LUMPUR - Syarikat berstatus PN17 (Nota Amalan 17), KNM Group Bhd masih dalam proses merangka pelan untuk menyelaraskan keadaan kewangannya, katanya dalam makluman kepada Bursa Malaysia. Ia susulan pengumuman KNM pada 17 Disember 2024 bahawa anak syarikat milik penuh Borsig GmbH dan Deutsche KNM GmbH serta syarikat lain dalam Kumpulan Borsig telah memeterai perjanjian kemudahan baharu dengan Landesbank Baden-Württemberg dan institusi kewangan lain yang mengambil bahagian.